

02 JUL 1997

GERAKAN NS MAHU KENG YAIK TERUS MEMEGANG JAWATAN

KUALA LUMPUR, 2 Julai (Bernama) -- Parti Gerakan di Negeri Sembilan mahukan presiden parti itu, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik terus memegang jawatannya sebagai Menteri Perusahaan Utama.

Setiausahanya, Dr S Vijayarajam hari ini berkata parti Gerakan negeri berpendapat tidak perlu bagi Dr Lim untuk melepaskan jawatan Menteri dalam usaha membuktikan jawatan kerajaan bukan merupakan keutamaan dalam berjuang bagi rakyat dan parti.

Sambil menyifatkan Dr Lim sebagai komited dan rajin, Vijayarajam berkata Lim telah banyak menyumbangkan kepada komoditi utama Malaysia di dalam dan di luar negara.

Ini terbukti kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengiktiraf keupayaan Dr Lim dengan melantiknya untuk memegang jawatan yang penting itu sejak 11 tahun lepas. -- BERNAMA

ARA PR